

Malaysia tak memusuhi Amerika walaupun sering bertentangan

UM-18/2/2007

JAKARTA 17 Feb. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pendirian kerajaan Malaysia yang sering dilihat bertentangan dengan Amerika Syarikat (AS) tidak bermakna ia bermusuhan dengan negara kuasa besar itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia hanya ingin menegaskan bahawa AS tidak boleh memaksa negara lain melaksanakan kepentingannya dengan cara campur tangan dalam urusan negara lain, apatah lagi melakukan serangan ke atas negara lain dengan alasan demokrasi dan kebebasan.

Abdullah berkata, asas pendirian Malaysia ialah negara mana pun mesti menghormati kedaulatan negara lain.

Beliau berkata, apa pun alasannya, siapa pun yang melakukannya, Malaysia akan mengkritik dan mengecam habis-habisan campur tangan negara asing dalam urusan negara lain, apatah lagi serangan yang dilakukan AS terhadap Iraq.

"Pendirian kami sama juga ketika Iraq melakukan serangan terhadap Kuwait," katanya pada pertemuan bersama ketua pengarang 13 media massa Indonesia di Kuala Lumpur semalam, seperti dilaporkan oleh akhbar *Kompas* hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika menjawab soalan para editor mengenai mengapa Malaysia sering mengambil sikap bertentangan dengan AS.

Menurut *Kompas*, perbezaan pendirian bukan hanya dilihat dalam bidang politik luar negara, malah dalam bidang ekonomi.

Akhbar terkemuka Indonesia itu menyebut contoh percubaan AS membuka kawasan perdagangan bebas (FTA) dengan Malaysia pada 2006 yang akhirnya terkandas kerana Malaysia menolak permintaan AS untuk meliberalisasikan beberapa sektor ekonomi.

Ia melaporkan bahawa Malaysia menolak untuk membuka pintu untuk pelaburan AS dalam perusahaan yang masih ingin dilindungi oleh Malaysia.

"Kami menjaga hubungan baik dengan siapa saja. Bahkan, Malaysia termasuk 10 negara rakan perdagangan besar AS. Tetapi apabila menyentuh kepentingan nasional dan prinsip dasar politik luar negara, sikap kami jelas," kata Abdullah.

"Bagi saya, selagi kita mempunyai kepentingan yang sama, semua negara mempunyai nilai yang sama. Tetapi, ketika prinsip-prinsip dasar dilanggar, kami boleh bertentangan dengan AS," katanya.

- Bernama